



1,285 mangsa banjir di Kuantan masih di PPS

Oleh **Khairulmizan Yahya** - Februari 6, 2023 @ 6:09pm
bhnews@bh.com.my



Mangsa banjir di Kuantan mula berpindah ke PPS Wisma Belia selepas beberapa kawasan di daerah ini mula dinaiki air sejak pagi tadi - Foto NSTP/Khairulmizan Yahya

KUANTAN: Seramai 1,285 mangsa banjir di Kuantan masih berada di tujuh pusat pemindahan sementara (PPS) sehingga jam 5 petang ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Agensi Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pahang, satu lagi PPS baharu dibuka iaitu di Sekolah Agama Rakyat (SAR) KAFA Jaya Gading, di sini, dengan 30 mangsa daripada lima keluarga.

Penurunan ketara jumlah mangsa banjir di PPS Dewan Dato Manan iaitu daripada 560 orang kepada 395 orang manakala Dewan Orang Ramai (DOR) Sri Damai juga berkurang dari 57 orang kepada 54 orang.

Sementara berlaku pertambahan jumlah mangsa banjir di dua lagi PPS iaitu di DOR Sri Mahkota yang bertambah daripada 62 orang menjadi 205 dan PPS Wisma Belia daripada 300 orang kepada 351 orang mangsa setakat ini.

Sementara itu, dua lagi PPS iaitu DOR Jaya Gading dan DOR Taman Tas masih kekal masing-masing seramai 30 orang dan 220 orang.

Sementara itu, dua sungai di daerah ini masing-masing menunjukkan paras bahaya iaitu Sungai Kuantan di Bukit Kenau dan Sungai Belat di Sri Damai, di sini, masing-masing pada paras 21.84 dan 5.95 meter.

Sungai Keratong di Jambatan Bahau – Keratong, dekat Rompin turut berada pada paras amaran bahaya iaitu ada paras 23.01 meter.

Jabatan Meteorologi Malaysia menjangkakan hujan akan berlarutan di daerah ini sehingga Khamis dengan suhu antara 23 darjah Celsius hingga 30 darjah Celsius.